

# LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

**PENTING: SILA BACA LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK SEBELUM ANDA MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK MENGAMBIL KAD KREDIT-i BANK ISLAM (BIC-i). SILA PASTIKAN ANDA JUGA MEMBACA TERMA DAN SYARAT UMUM**



**KAD KREDIT-i BANK ISLAM  
23 NOVEMBER 2022**

## 1. Apakah Kad Kredit-i Bank Islam (BIC-i)?

Ia merupakan kad Visa/Mastercard dengan had pembiayaan yang diberikan kepada anda iaitu jika had pembiayaan yang telah digunakan tetapi belum dilunaskan sepenuhnya sebelum tarikh matang akan dikenakan sejumlah caj keuntungan.

## 2. Apakah konsep Shariah yang digunakan ?

Konsep Shariah yang digunakan ialah Tawarruq dimana pembelian komoditi (iaitu aset yang ditransaksi dalam aturan Tawarruq) secara bayaran tertangguh melalui mana-mana Bai' Musawamah atau Bai' Murabahah. Komoditi kemudian dijual secara tunai kepada pihak selain daripada penjual asal. Konsep Tawarruq dinyatakan seperti yang berikut:

Pelanggan membeli komoditi daripada Bank berdasarkan kontrak Murabahah pada Harga Jualan Bank. Dalam proses ini, pembelian akan dilakukan oleh Bank sebagai Ejen Pembelian bagi pihak pelanggan. Sebagai Ejen Jualan untuk pelanggan, pihak Bank bertanggungjawab untuk menjual komoditi kepada pembeli komoditi pada harga kos. Hasil daripada urus niaga itu akan diberikan untuk kegunaan pelanggan. Pelanggan bertanggungjawab untuk membayar jumlah yang perlu dibayar daripada transaksi Murabahah mengikut termatertuju yang dipersetujui.

"Komoditi" bermaksud apa-apa komoditi yang diterima oleh Bank contohnya minyak kelapa sawit, resin plastik, getah, biji koko, kacang soya, kayu balak dan logam (tidak termasuk emas dan perak) yang diurusniagakan di mana-mana platform komoditi yang diluluskan oleh Bank. Pembelian dan penjualan komoditi tersebut dibuat berdasarkan mandat yang diberikan oleh pihak pelanggan, iaitu Bank sebagai Ejen Pembelian dan Ejen Penjualan berurusniaga menggunakan Komoditi yang sedia ada dan dibekalkan oleh pembekal komoditi tertakluk pada polisi-polisi Bank yang terpakai.

## 3. Apakah yang saya akan dapat daripada BIC-i?

### Had Pembiayaan BIC-i:

- 2 kali gaji (untuk pendapatan antara RM24,000 - RM36,000 setahun); atau
- 2.5 kali gaji (untuk pendapatan melebihi RM36,000 setahun); atau
- Pemohon yang tidak mempunyai bukti pendapatan, tetapi menepati kelayakan umur minimum, dikehendaki mendepositkan sejumlah amaun ke dalam Deposit Bertempoh-i (Tawarruq), yang menyamai dengan jumlah had pembiayaan BIC-i yang dipohon. Amaun tersebut hendaklah disimpan dalam akaun sepanjang masa, selagi BIC-i tersebut masih aktif.

**Nota: Had pembiayaan BIC-i tertakluk pada kelulusan dan budi bicara pihak Bank.**

Kadar Caj Keuntungan	Jenis Transaksi	Kadar Tahunan	Kelayakan
	Runcit & Pindahan Baki	<ul style="list-style-type: none"><li>• 13.5% (Peringkat 1)</li><li>• 16% (Peringkat 2)</li><li>• 17.5% (Peringkat 3)</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Jika bayaran minimum dibuat oleh anda sebelum atau pada tarikh matang selama 12 bulan berturut-turut.</li><li>• Jika bayaran minimum dibuat oleh anda sebelum atau pada tarikh matang sebanyak 10 atau 11 kali dalam tempoh 12 bulan.</li><li>• Jika bayaran minimum dibuat oleh anda sebelum atau pada tarikh matang selama 9 kali atau kurang dalam tempoh 12 bulan.</li></ul>

Pengeluaran Tunai & Pindahan Baki ke Akaun Bank Islam	18.00%	
---	--------	--

Untuk menikmati kadar caj keuntungan yang lebih rendah, anda sepatutnya membuat bayaran sekurang-kurangnya 10 kali dalam tempoh 12 bulan berturut-turut

#### 4. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?

Yuran Tahunan	<table border="1"> <thead> <tr> <th rowspan="16">Jenis Kad</th><th colspan="2">Mastercard</th></tr> <tr> <th>Utama (RM)</th><th>Tambahan (RM)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>World payWave</td><td>777</td><td>333</td></tr> <tr> <td>Platinum payWave</td><td>388</td><td>150</td></tr> <tr> <td>Emas payWave</td><td>130</td><td>60</td></tr> <tr> <th colspan="2">Visa</th></tr> <tr> <td>Infinite &amp; Infinite payWave</td><td>777</td><td>333</td></tr> <tr> <td>Platinum payWave</td><td>388</td><td>150</td></tr> <tr> <td>Emas payWave</td><td>130</td><td>60</td></tr> </tbody> </table>	Jenis Kad	Mastercard		Utama (RM)	Tambahan (RM)	World payWave	777	333	Platinum payWave	388	150	Emas payWave	130	60	Visa		Infinite & Infinite payWave	777	333	Platinum payWave	388	150	Emas payWave	130	60
Jenis Kad	Mastercard																									
	Utama (RM)		Tambahan (RM)																							
	World payWave		777	333																						
	Platinum payWave		388	150																						
	Emas payWave		130	60																						
	Visa																									
	Infinite & Infinite payWave		777	333																						
	Platinum payWave		388	150																						
	Emas payWave		130	60																						
	Caj Pengeluaran Tunai		<ul style="list-style-type: none"> <li>ATM Bank Islam - 2.5% daripada nilai tunai yang dikeluarkan atau RM12.00 (mana-mana yang lebih tinggi)</li> <li>Selain daripada ATM Bank Islam - 3% daripada nilai tunai yang dikeluarkan atau 50.00 (mana-mana yang lebih tinggi). Caj yang dikenakan berbeza mengikut bank.</li> </ul>																							
	Caj Penggantian Kad		<ul style="list-style-type: none"> <li>RM50</li> </ul>																							
	Permintaan Draf Jualan		<ul style="list-style-type: none"> <li>Asal – RM15.00 setiap draf.</li> <li>Salinan – RM5.00 setiap salinan.</li> </ul>																							
	Permintaan Salinan Penyata		<ul style="list-style-type: none"> <li>RM5.00 bagi setiap permintaan.</li> </ul>																							
	Transaksi Luar Negara		<ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar pertukaran mata wang ditentukan oleh Mastercard Worldwide / Visa Worldwide pada tarikh urus niaga diterima dan / atau diproses oleh bank.</li> </ul>																							
	Fi atas lebihan had pembiayaan		<ul style="list-style-type: none"> <li>Tiada.</li> </ul>																							
	Fi dan caj-caj lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>Fi Pindahan Baki daripada BIC-i ke akaun simpanan/semasa Bank Islam/ Al-Awfar: <ul style="list-style-type: none"> <li>2.5% daripada nilai tunai yang dipindahkan atau RM12.00 (mana-mana yang lebih tinggi).</li> </ul> </li> <li>Fi Pengurusan Program GoFlexi <ul style="list-style-type: none"> <li>4.5% daripada amaun transaksi (dikenakan sekali)</li> </ul> </li> <li>Skim Ansuran Mudah (IPP) <ul style="list-style-type: none"> <li>Percuma</li> </ul> </li> <li>Cukai Perkhidmatan <ul style="list-style-type: none"> <li>RM25 setiap kad setiap tahun</li> </ul> </li> </ul>																								

## 5. Apakah tanggungjawab saya?

Bayaran minimum setiap bulan	<p>Bayaran minimum setiap bulan oleh anda sebagai Ahli Kad adalah seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 5% dari Baki Penyata (tidak termasuk Pelan Bayaran Ansuran (IPP), Program GoFlexi dan Baki Qard) atau RM50, mana-mana yang lebih tinggi; dan</li> <li>• Baki Qard (jika ada); dan</li> <li>• Bayaran Minimum Tertunggak (jika ada); dan</li> <li>• Pelan Bayaran Ansuran (IPP) dan Program GoFlexi (jika ada)*</li> </ul> <p>Nota:</p> <p><b>Baki Qard-</b> Bermaksud mana-mana transaksi yang diluluskan yang menyebabkan penggunaan kad kredit melebihi had pemberian melalui permohonan Ahli Kad dan dengan budi bicara bank. Baki Qard boleh dikira dengan menolak amaun Baki Penyata dengan had pemberian.</p> <p><b>Bayaran Minimum Tertunggak-</b> Bermaksud jumlah bayaran minimum bulan sebelumnya yang masih belum dilunaskan</p> <p>*Hanya untuk langganan IPP dan Program GoFlexi baharu dari 2 Oktober 2019 dan seterusnya</p>
Tempoh Tangguhan Caj Keuntungan	Untuk transaksi Runcit – 20 hari daripada tarikh pos Tidak terpakai pada Pindahan Baki dan Pengeluaran Tunai
Liabiliti Pemegang Kad Utama	Sebagai pemegang kad utama, anda bertanggungjawab di atas semua transaksi yang dibuat oleh pemegang kad tambahan
Penyelenggaraan transaksi tanpa sentuh (payWave)	Fungsi "payWave" pada BIC-i (transaksi yang tidak memerlukan tandatangan) boleh digunakan di kesemua rakan dagang yang mengambil bahagian sehingga jumlah maksimum RM250 setiap transaksi atau RM2,000 sehari. Bagi pembelian melebihi RM250 setiap transaksi atau RM2,000 sehari, anda dikehendaki menandatangani slip jualan atau memasukkan nombor PIN seperti jualan biasa.
Keselamatan	<p>Mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan BIC-i dan PIN anda selamat sepanjang masa, termasuk di kediaman anda. Ini termasuk untuk tidak:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendedahkan butir-butir BIC-i atau PIN kepada orang lain;</li> <li>• Menulis / merekodkan PIN BIC-i, atau apa-apa sahaja yang disimpan di kawasan berdekatan dengan BIC-i;</li> <li>• Menggunakan tarikh lahir anda, nombor kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon anda sebagai PIN.</li> <li>• Membenarkan orang lain untuk menggunakan BIC-i dan PIN anda</li> <li>• Meninggalkan BIC-i atau apa sahaja yang mengandungi BIC-i dalam keadaan tanpa pengawasan, di tempat-tempat yang boleh dilihat dan boleh diambil oleh orang lain.</li> </ul>
Kehilangan atau Kecurian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memaklumkan kepada Bank sebaik sahaja selepas mengetahui BIC-i telah hilang, dicuri, urus niaga tanpa kebenaran telah berlaku atau PIN mungkin telah terjejas</li> <li>• Memaklumkan kepada Bank dengan serta-merta apabila menerima mesej pesanan ringkas (SMS) mengenai transaksi tanpa kebenaran telah berlaku</li> </ul>

Lain-lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memaklumkan kepada Bank dengan serta-merta mengenai sebarang pertukaran nombor telefon</li> <li>Menggunakan BIC-i dengan bertanggungjawab, termasuk tidak menggunakan BIC-i untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang; dan</li> <li>Menyemak penyata akaun anda serta melaporkan sebarang percanggahan dengan serta merta</li> <li>Mematuhi terma dan syarat-syarat penggunaan BIC-i</li> </ul>
-----------	--

## 6. Bagaimanakah sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

Transaksi tanpa kebenaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>Anda bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran bagi transaksi dengan kad yang memerlukan pengesahan PIN jika anda telah: <ul style="list-style-type: none"> <li>bertindak melakukan penipuan;</li> <li>lewat memaklumkan kepada pihak Bank sebaik sahaja selepas mendapati kehilangan BIC-i atau penggunaan BIC-i tanpa kebenaran;</li> <li>mendedahkan butir-butir BIC-i atau PIN anda kepada orang lain secara sukarela; atau</li> <li>menulis / merekodkan PIN BIC-i anda, atau apa-apa sahaja yang disimpan di kawasan berdekatan dengan BIC-i.</li> </ul> </li> <li>Anda bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran bagi transaksi dengan kad yang memerlukan pengesahan tandatangan atau penggunaan kad tanpa sentuh jika anda telah: <ul style="list-style-type: none"> <li>bertindak melakukan penipuan;</li> <li>lewat memaklumkan kepada pihak Bank sebaik sahaja selepas mendapati kehilangan atau penggunaan BIC-i tanpa kebenaran;</li> <li>meninggalkan BIC-i anda atau apa sahaja yang mengandungi BIC-i anda dalam keadaan tanpa pengawasan, di tempat-tempat yang boleh dilihat dan boleh diakses oleh orang lain; atau</li> <li>memberarkan orang lain menggunakan BIC-i anda secara sukarela.</li> </ul> </li> </ul>
Caj ganti rugi atas kelewatan pembayaran	Caj ganti rugi atas kelewatan pembayaran ialah 1% ke atas jumlah baki belum jelas atau minimum RM5 mana-mana yang lebih tinggi atau maksimum RM50
Kemungkiran pembayaran	<p>Sekiranya berlaku kemungkiran, perkara-perkara berikut akan dilaksanakan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Bank boleh melalui notis bertulis kepada anda, meminta anda membuat pembayaran segera terhadap jumlah tertunggak sama ada daripada pelanggan dan/atau penjamin;</li> <li>Bank berhak untuk menolak sebarang baki kredit dalam akaun deposit dan/atau pelaburan anda yang diuruskan oleh Bank terhadap sebarang bayaran tertunggak di bawah pembiayaan ini;</li> <li>Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal untuk memberi maklum balas terhadap notis peringatan. Sebarang sekuriti (cagaran) yang dicagarkan kepada Bank boleh dirampas/ ditarik/ dicairkan dan anda perlu menanggung semua kos berkaitan pengurusan sekuriti tersebut. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan jumlah pembayaran selepas sekuriti tersebut dicairkan/ dijual. Tindakan undang-undang terhadap anda boleh memberi kesan kepada penarafan kredit anda yang membawa kepada penilaian kredit masa depan yang lebih sukar atau mahal untuk anda; dan</li> <li>Mencetuskan kemungkiran bersilang terhadap kemudahan lain dengan Bank.</li> </ol>

**Pembatalan**

Bank Islam mempunyai hak untuk membatalkan BIC-i anda jika anda gagal untuk mematuhi terma dan syarat Kad Kredit-i Bank Islam

**7. Apa terjadi jika saya melunaskan kesemua baki sebelum tarikh matang? (Untuk Pindahan Baki / Skim Ansuran Mudah / Program GoFlexi)**

Tiada "lock-in period" untuk program Pindahan Baki, Skim Ansuran Mudah (IPP) dan Program GoFlexi. Oleh itu, tiada caj akan dikenakan ke atas pelunasan awal.

**8. Apakah risiko-risiko utama?**

Kehilangan atau Kecurian	BIC-i atau PIN anda mungkin akan hilang, dicuri atau disalahgunakan. Sila hubungi Bank melalui talian + 603 26 900 900 dengan <b>SERTA-MERTA</b> selepas mendapati BIC-i anda hilang atau dicuri atau PIN mungkin telah terjejas.
Keupayaan Membuat Pembayaran	Jika anda membayar hanya jumlah minimum, ia akan mengambil masa yang lebih lama dan jumlah yang lebih tinggi untuk anda melunaskan kesemua jumlah baki penggunaan. Fikirkan tentang keupayaan anda untuk membayar apabila menggunakan BIC-i
Pembayaran Pembiayaan Lain	Jika anda menggunakan BIC-i untuk pembayaran pembiayaan lain, ia mungkin akan menyebabkan anda menanggung kos yang lebih besar
Kesukaran Pembayaran	Jika anda menghadapi kesukaran membayar baki BIC-i, sila hubungi kami segera untuk berbincang mengenai alternatif yang lain dalam melunaskan baki BIC-i anda

**9. Adakah Bank Islam menyediakan pelan perlindungan Takaful untuk Kad Kredit-i Bank Islam?**

Ya, Bank Islam ada menyediakan pelan perlindungan Takaful untuk Ahli Kad-i. Untuk Maklumat lanjut, sila rujuk <https://www.bankislam.com/takaful-coverage/>

**10. Apa yang perlu dilakukan sekiranya maklumat untuk menghubungi saya bertukar?**

Sangat penting bagi anda untuk memaklumkan kepada pihak Bank sebarang perubahan maklumat bagi memastikan semua urusan surat-menyerat dan mesej pesanan ringkas (SMS) mengenai transaksi tanpa kebenaran sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh hubungi Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan kami melalui talian + 603 26 900 900 atau mengemaskini maklumat anda di mana-mana cawangan yang berhampiran.

**11. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

**Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, anda boleh menghubungi kami di:-**

**Pusat Kad Bank Islam**

Aras 24, Menara Bank Islam,  
No 22, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur  
Tel.: 03-2726 7666  
Faks: 03-2726 7606  
Emel: [bicc.customer.service@bankislam.com.my](mailto:bicc.customer.service@bankislam.com.my)  
Laman web: [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com)

Jika anda ingin membuat aduan terhadap produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, sila hubungi kami melalui:

**Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan**

Bank Islam Malaysia Berhad

Aras 17, Menara Bank Islam

No 22, Jalan Perak,

50450 Kuala Lumpur

Tel.: 03-2690 0900

Faks: 03-2782 1337

Emel: [contactcenter@bankislam.com.my](mailto:contactcenter@bankislam.com.my) or [customercare@bankislam.com.my](mailto:customercare@bankislam.com.my)

Jika kami tidak dapat meyelesaikan pertanyaan atau aduan anda dengan memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK melalui:

Block D, Bank Negara Malaysia,

Jalan Dato' Onn,

50480 Kuala Lumpur.

Tel.: 1-300-88-5465

Faks: 03-2174 1515

Emel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

**12. Pakej Kad Kredit-i lain yang ditawarkan?**

Semua BIC-i umum dan usaha sama telah dinyatakan dalam dokumen ini.

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA  
ANDA TIDAK MEMBAYAR BAKI KAD KREDIT-i BANK ISLAM ANDA.**

Maklumat yang terkandung dalam Lembaran Maklumat Produk ini sah bermula 23 November 2022

**13. Pengesahan Penerimaan oleh Pelanggan.**

.....  
Nama:

No. Kad Pengenalan:

Tarikh: